

PERATURAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT OLEH PELAJAR



1. Set telefon bimbit hendaklah didaftarkan dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar MRSM Pasir Salak.
2. Bayaran sebanyak RM20.00 setahun akan dikenakan bagi set telefon bimbit. Bayaran ini adalah untuk kos pengurusan (pelekat, resit dll), kos elektrik serta lain-lain kos yang berkaitan.
3. Pelajar hanya dibenarkan mendaftar/ membawa/ menggunakan SATU telefon bimbit dan telah berdaftar serta mempunyai *pelekat pengesahan maktab* sahaja.
4. Spesifikasi telefon bimbit yang dibenarkan adalah telefon bimbit biasa yang TIDAK MEMPUNYAI ciri-ciri kamera, fungsi muzik kad memori dan bukan telefon pintar.
5. Penggunaan telefon bimbit hanya dibenarkan di **ASRAMA SAHAJA**.
6. Waktu larangan penggunaan telefon bimbit:
 - i) Waktu persekolahan/ sesi akademik.
 - ii) Waktu kelas persediaan pagi, petang dan malam
 - iii) Waktu majlis rasmi (perhimpunan, ceramah, kelas tambahan dan seumpamanya).
 - iv) Waktu di antara jam 11.30 malam hingga 6.00 pagi (Sabtu & Ahad).
7. Tempat untuk mengecap telefon bimbit dalah di kawasan asrama yang berplug sahaja. Pelajar TIDAK DIBENARKAN untuk mengecap telefon bimbit di blok pentadbiran, akademik, surau, dewan, kiosk PUM dan PSP.
8. Pelajar TIDAK DIBENARKAN sama sekali membuat penyambungan wayar secara haram pada alat kelengkapan elektrik untuk tujuan mengecap telefon bimbit.
9. Penggunaan telefon bimbit adalah tanggungjawab pihak pelajar sendiri. Pihak maktab TIDAK akan bertanggungjawab ke atas apa-apa jua kerosakan, kehilangan atau akibat daripada penggunaan tersebut.
10. Pihak maktab TIDAK akan bertanggungjawab, menanggung kos atau terbeban atas apa jua jenis kemalangan atau musibah akibat daripada penggunaan telefon bimbit oleh pihak pelajar.
11. Pihak maktab berkuasa/ berhak/ boleh mengambil tindakan bagi penggunaan telefon bimbit yang difikirkan TIDAK BERMORAL atau MELANGGAR SYARAT dan peraturan penggunaan telefon bimbit serta maktab. Antaranya;
 - i) Mengandungi unsur-unsur lucah atau tidak bermoral (cth: black metal) samada dalam bentuk teks/ gambar/video/audio.
 - ii) Mengandungi unsur-unsur mencaci/ memalukan/ menjatuhkan/ mengugut/ mengancam keselamatan maktab, pihak pengurusan, guru-guru dan kakitangan.
 - iii) Merancang pencerobohan kawasan larangan, perjumpaan di antara berlainan jantina atau perancangan untuk mencuri, memukul, bergaduh, mengugut dan seumpamanya.
 - iv) Menyalin, menyimpan atau menyebarkan gambar orang yang berlainan jantina atau gambar sendiri yang tidak menutup aurat/ menjolok mata/ berkelakuan tidak senonoh dan tidak sopan.
12. Pihak maktab BERHAK untuk mengambil telefon bimbit pelajar bagi tujuan pemeriksaan tanpa perlu kebenaran atau dimaklumkan atau sebaliknya kepada pemiliknya pada bila-bila masa atau tempat yang difikirkan perlu.
13. Pemilik telefon bimbit adalah TERTAKLUK kepada sebarang perubahan peraturan penggunaan telefon bimbit dari masa ke semasa.
14. Penggubalan/penguatkuasaan peraturan-peraturan baru adalah di bawah takluk kuasa maktab. Penggubalan/penguatkuasaan mana-mana peraturan yang difikirkan perlu boleh dilakukan TANPA perlu mendapatkan persetujuan atau memaklumkan terlebih dahulu kepada pihak terlibat.

AMARAN!

JIKA PELAJAR DIDAPATI MELANGGAR PERATURAN DI ATAS ATAU MENYALAHGUNAKAN KEMUDAHAN INI, SET TELEFON BIMBIT AKAN DIRAMPAS DAN HANYA AKAN DIKEMBALIKAN SETELAH TAMAT TEMPOH PENGAJIAN DAN KEBENARAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT BOLEH DITARIK BALIK.



BORANG PENDAFTARAN TELEFON BIMBIT
MAKTAB RENDAH SAMS MARA PASIR SALAK

BAHAGAN A (Diisi oleh Pelajar)

Nama : _____
Tingkatan : _____ No. Maktab : _____
Semester : _____ Tahun : _____
Jenis/Model Tel. : _____ No. Telefon : _____

Saya seperti nama di atas memahami peraturan penggunaan telefon bimbit MRSM Pasir Salak dan akan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan dari masa ke semasa. Saya bersedia untuk memberi kerjasama dan menerima hukuman sekiranya didapati melanggar peraturan tersebut.

Yang Benar,

.....

Tarikh: _____

()

BAHAGIAN B (Diisi oleh Ibu/Bapa/Penjaga Pelajar)

Saya _____ (ibu/bapa/penjaga pelajar), no. kad pengenalan _____ faham tentang peraturan yang telah ditetapkan. Saya membenarkan anak/jagaan saya _____ bernombor maktab _____ untuk membawa set telefon bimbit ke MRSM Pasir Salak di bawah tanggungjawab sepenuhnya pelajar itu sendiri. Saya membenarkan apa sahaja tindakan/ hukuman terhadap anak/jagaan saya sekiranya melanggar peraturan tersebut.

Yang Benar,

.....

Tarikh: _____

()

KEGUNAAN PEJABAT

Penggunaan telefon bimbit DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN.

No siri pendaftaran : _____

Tarikh : _____



KESALAHAN & JENIS-JENIS HUKUMAN

BIL	KESALAHAN	HUKUMAN
1	Mengandungi unsur-unsur lucah atau tidak bermoral dalam bentuk teks/gambar/video/audio.	Rujuk "Buku Peraturan Maktab".
2	Mengandungi unsur-unsur mencaci/memalukan/ menjatuhkan/ mengugut/mengancam keselamatan pihak maktab (pihak pengurusan, guru-guru dan kakitangan)- teks/ gambar/video/audio.	Rujuk "Buku Peraturan Maktab".
3	Mengandungi unsur-unsur merancang pencerobohan kawasan larangan, perjumpaan di antara berlainan jantina atau perancangan untuk mencuri, memukul, bergaduh, mengugut dan seumpamanya. - teks/ gambar/video/audio.	Rujuk "Buku Peraturan Maktab".
4	Menyalin, menyimpan atau menyebarkan gambar orang yang berlainan jantina atau gambar sendiri yang tidak menutup aurat/ menjolok mata/ berkelakuan tidak senonoh dan sopan.	Rujuk "Buku Peraturan Maktab".
5	Penggunaan telefon bimbit di luar waktu dan tempat yang ditetapkan.	Rujuk "Buku Peraturan Maktab".